

25 MAY 2003

Perenang-Syukur (Bergambar)

MALIK BERSYUKUR DAPAT ATASI CABARAN SEBELUM KE SELAT INGGERIS

LANGKAWI, 25 Mei (Bernama) -- Perenang maraton negara yang dalam persiapan merentasi Selat Inggeris, Abdul Malik Mydin, berkata beliau amat bersyukur kerana telah berjaya menamatkan cabarannya merentasi Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Langkawi, hari ini.

Perenang berusia 28 tahun itu yang dilepaskan dari Jeti Kuala Perlis pukul 9.45 malam tadi tiba di Jeti Kuah di sini setelah merentas selat berkenaan sejauh 48 kilometer, tepat pukul 11.48 pagi tadi dengan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama ribuan rakyat.

"Saya berasa gembira tak terkira dan bersyukur kerana telah berjaya menempuh cabaran ini. Sebelum ini saya mencuba dua kali tetapi tidak berjaya tapi kali ini saya telah berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemuramah oleh RTM secara siaran langsung di sini hari ini selepas ketibaannya di Jeti Kuah.

Abdul Malik berjaya menamatkan cabaran renang dari Kuala Perlis ke Langkawi dengan mencatat masa 14 jam 03 minit, lebih pantas daripada jangkaannya selama 20 jam.

"Saya pernah berjanji dengan Dr Mahathir untuk mencatat rekod berenang selama 20 jam ke Langkawi dan sekarang saya telah berjaya menepati janji itu dengan rekod yang lebih pantas," katanya.

Abdul Malik berkata, pelbagai pihak memberi sokongan kepadanya terutamanya Perdana Menteri sendiri sebagai penaung Cabaran Selat Inggeris dan suntikan semangat tersebut menambah lagi kekuatan beliau untuk meneruskan cabaran itu.

"Datuk Seri Dr Mahathir adalah idola saya. Jadi kekuatan semangat itu bertambah. Saya selalu berjumpa dengan Dr Mahathir sendiri sebab dia nak tahu sejauh mana usaha yang telah saya lakukan," katanya.

Abdul Malik juga menasihatkan belia negara ini supaya mempunyai kekuatan untuk bertahan dalam apa juga cabaran dan kesusahan kerana dengan cara itu seseorang akan dapat mengetahui sejauh mana mereka boleh pergi.

Sebelum itu, sebanyak RM110,000 berjaya dikumpul dan diserahkan kepada Perdana Menteri untuk disumbangkan kepada Majlis Kanser Negara (Makna) sebagai mengisi tabung majlis berkenaan.

Sumbangan yang dikumpul sempena cabaran renang yang dilakukan oleh Abdul Malik itu diterima daripada kerajaan negeri Kedah, MEC Marketing Sdn Bhd dan Naza Group of Company.

-- BERNAMA

FIZ RHM